

11

Kementerian Belia dan Sukan

- **Majlis Sukan Negara**
- **Institut Sukan Negara**
 - Pengurusan Program Podium Sukan Elit

PENGURUSAN PROGRAM PODIUM SUKAN ELIT

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

MAJLIS SUKAN NEGARA

INSTITUT SUKAN NEGARA

RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, objektif utama Program Podium Sukan Elit membawa **pulang pingat emas di Temasya Sukan Olimpik masih belum tercapai**. Pengurusan Program Podium masih boleh ditambahbaik dengan memastikan perbelanjaan dibuat mengikut skop yang diluluskan, kenaikan gaji jurulatih dibuat berdasarkan garis panduan dan kriteria yang jelas, kemudahan dan peralatan sukan disenggara secara berkala dan memastikan penyimpanan aset sukan di tempat yang selamat.



Peruntukan diluluskan

RMKe-11

RMKe-12

RM620
juta

RM380
juta

RM240
juta

PRESTASI OUTPUT

2016 - 2018



Penyertaan Atlet Podium - **65 (44.2%)** atlet daripada 147 Atlet dan Atlet Para Podium tahun 2018

Prestasi Pencapaian Pingat Atlet Podium:
7 emas (100%) | 5 perak (100%) | 8 gangsa (66.7%)

SUKAN ASIA

- Penyertaan Atlet Podium – **84 (65.6%)** atlet daripada 128 Atlet Podium tahun 2018
- Prestasi Pencapaian Pingat Atlet Podium:
**6 emas (85.7%)
11 perak (84.6%)
10 gangsa (62.5%)**



18th ASIAN GAMES
Jakarta Palembang 2018

SUKAN PARA ASIA

- Penyertaan Atlet Podium – **18 (94.7%)** atlet daripada 19 Atlet Podium tahun 2018
- Prestasi Pencapaian Pingat Atlet Para Podium:
**7 emas (41.2%)
6 perak (23.1%)
4 gangsa (16%)**

2019 - 2022



Bilangan Atlet yang Terpilih di bawah Program Podium

2019: 512 | 2020: 622 | 2021: 536 | 2022: 776

Bilangan Kejohanan Luar Negara yang Disertai bagi Penentuan *Ranking* Dunia

2019: 123 | 2020: 23 | 2021: 80 | 2022: 149

Bilangan Temasya Sukan Antarabangsa yang Disertai

2019: 1 | 2020: 0 | 2021: 2

Pencapaian Pingat di Temasya Sukan Komanwel 2022

23 pingat (Emas: 7 | Perak: 8 | Gangsa: 8)

Pencapaian Pingat di Sukan Asia Hangzhou 2022
- **Belum Dapat Diukur**

PRESTASI KEBERHASILAN



Kedudukan 10 negara terbaik di Sukan Komanwel Gold Coast 2018



Kedudukan 10 negara terbaik di Sukan Asia Jakarta 2018



Bilangan atlet di tangga 6 terbaik dunia



Pingat emas pertama di Sukan Olimpik



PENGURUSAN PROGRAM

- Pecahan perbelanjaan mengikut skop kelulusan tidak disediakan
- **RM1.47 juta** perbelanjaan tiada dalam skop yang diluluskan adalah untuk atlet yang bukan berada di bawah Program Podium

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KEWANGAN

PENGURUSAN JURULATIH

- Kriteria kadar kenaikan gaji jurulatih tidak dapat ditentukan
- Laporan bulanan jurulatih serta ulasan prestasi atlet tidak disediakan

- Kemudahan sukan yang usang memberi kesan terhadap kelancaran latihan atlet

PENYENGGARAAN KEMUDAHAN & PERALATAN SUKAN

PENYIMPANAN ASET SUKAN

- Penyimpanan aset sukan di tempat yang mendedahkan kepada risiko kehilangan dan kebakaran



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
MAJLIS SUKAN NEGARA
INSTITUT SUKAN NEGARA
PROGRAM PODIUM SUKAN ELIT**

Perkara Utama

**Apa yang
diaudit?**

- Program Podium Sukan Elit (Program Podium) yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) adalah program persediaan atlet elit untuk mencapai kecemerlangan sukan negara. Program ini telah dilancarkan pada 2 Februari 2016 dan dikendalikan oleh Institut Sukan Negara (ISN) pada permulaannya. Pada tahun 2019, berlaku pertukaran agensi pelaksana kepada Majlis Sukan Negara (MSN) bagi memastikan pembangunan atlet dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.
- Peruntukan Program Podium telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan kos berjumlah RM380 juta. Pelaksanaan Program Podium telah disambung dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan peruntukan berjumlah RM240 juta bagi tahun 2022 hingga 2025.
- Kelulusan skop Program Podium adalah pelaksanaan Program Latihan Atlet bagi menghadapi temasya sukan utama yang merangkumi pengurusan atlet; pengurusan jurulatih dan anggota sokongan; pengurusan kemudahan dan peralatan latihan; sewaan kemudahan; pendedahan latihan dalam dan luar negara; program kebajikan dan pendidikan atlet; dan perkhidmatan sains dan perubatan sukan.
- Pengauditan ini merangkumi dua bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program di bawah ISN dan MSN bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan program. Pengurusan program pula meliputi empat perkara iaitu peruntukan dan perbelanjaan kewangan, pengurusan jurulatih, kemudahan dan peralatan sukan serta penyimpanan aset sukan.
- Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pembangunan KBS, MSN dan ISN. Pengauditan dilakukan terhadap 16 sampel sukan

daripada 35 jenis sukan Program Podium yang melibatkan 10 sukan untuk atlet dan enam sukan untuk atlet para.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Kerajaan meluluskan peruntukan sejumlah RM620 juta di bawah RMKe-11 dan RMKe-12 untuk Program Podium yang merupakan antara lapan inisiatif Rangka Kerja Prestasi Tinggi yang diwujudkan.
- Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Podium telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu memastikan prestasi atlet berada di tahap yang tinggi melalui pengurusan dan kawalan persekitaran yang optimum dan unggul serta membawa pulang pingat emas pertama negara di Temasya Sukan Olimpik dan mencapai kecemerlangan di kejohanan utama antarabangsa.

Rumusan

Secara keseluruhannya, objektif utama Program Podium untuk membawa pulang pingat emas di Temasya Sukan Olimpik masih belum tercapai. Pencapaian output Program Podium di bawah ISN adalah baik kerana sasaran kemenangan pingat di tiga temasya sukan utama telah tercapai. Pencapaian output bagi Program Podium di bawah MSN pula kurang memuaskan berdasarkan dua daripada lima sasaran tidak tercapai sepenuhnya. Pencapaian keberhasilan bagi Program Podium pula adalah kurang memuaskan kerana dua tidak tercapai dan satu masih belum tercapai daripada empat sasaran ditetapkan. Pengurusan Program Podium masih boleh ditambah baik dengan memastikan perbelanjaan dibuat mengikut skop yang diluluskan, kenaikan gaji jurulatih dibuat berdasarkan garis panduan dan kriteria yang jelas, kemudahan dan peralatan sukan disenggara secara berkala dan memastikan penyimpanan aset di tempat yang selamat.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Perbelanjaan tiada dalam skop yang diluluskan berjumlah RM1.47 juta adalah untuk atlet yang bukan berada di bawah Program Podium.	Penggunaan peruntukan Program Podium untuk program lain menjejaskan pelaksanaan Program Podium dari aspek pengambilan Atlet Podium secara sepenuh masa. Pemberian geran kepada Persatuan Sukan Kebangsaan yang melatih atlet bukan di bawah Program Podium secara tidak langsung menyebabkan perbelanjaan peruntukan yang disediakan untuk atlet dan atlet para Program Podium bagi menjalani program latihan dan kejohanan dalam dan luar negara berkurang.	Memastikan peruntukan Program Podium dibelanjakan mengikut skop yang diluluskan supaya program dapat diurus dengan cekap dan mencapai objektif.
2.	Sebanyak lima (13.9%) daripada 36 sampel jurulatih Program Podium telah menerima kenaikan gaji antara 10% hingga 44% dengan kadar kenaikan antara RM450 hingga RM2,456 bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kriteria berhubung kadar kenaikan gaji tidak dapat ditentukan kerana kriteria dalam garis panduan sedia ada tidak diguna pakai.	Kelulusan kadar peratus kenaikan yang berbeza tanpa kriteria yang jelas boleh menyumbang kepada rasa tidak puas hati di kalangan jurulatih tempatan.	Menyemak semula Garis Panduan Kenaikan Gaji Jurulatih dan menyediakan kriteria yang jelas berhubung penentuan kadar kenaikan gaji jurulatih agar lebih teratur.
3.	Sebanyak 861 (66.7%) daripada 1,290 laporan bulanan jurulatih tidak disediakan oleh jurulatih. Sebanyak 132 (32%) daripada 413 laporan bulanan jurulatih untuk tempoh tahun 2020 hingga 2022 pula tidak mempunyai ulasan berkenaan status prestasi atlet dalam Program dan pandangan sama ada atlet memenuhi keperluan Program.	Kelemahan dalam penyediaan laporan bulanan jurulatih berserta ketiadaan ulasan prestasi atlet dan pandangan sama ada atlet memenuhi keperluan program menyebabkan penilaian secara objektif tidak dapat dibuat. Ini menyebabkan prestasi atlet untuk dikekalkan dalam Program Podium tidak dapat ditentukan.	Mekanisme pelaporan bertulis yang jelas dan teratur perlu disediakan sewajarnya agar keberkesanan pembangunan atlet dapat dicapai.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
4.	Penyenggaraan kemudahan dan peralatan sukan - Keadaan trek olahraga yang haus, menipis dan usang. - Tiang lompat tinggi telah rosak serta tilam latihan yang tidak sesuai lagi digunakan untuk latihan atlet. - Sebuah basikal Atlet Para Podium berjenama Ridley bagi kegunaan latihan <i>cycling road</i> serta penyertaan dalam kejohanan dan temasya sukan utama masih lagi digunakan oleh atlet para. Basikal tersebut pernah mengalami kerosakan pada rangka basikal akibat kemalangan.	- Ketiadaan program penyenggaraan pencegahan dan pembaikan bagi peralatan latihan memberi kesan terhadap kelancaran aktiviti latihan atlet. - Sekiranya basikal yang sama masih digunakan dan berlaku kemalangan atau kerosakan lanjut pada basikal tersebut ia boleh membahayakan Atlet Para.	Kemudahan dan peralatan sukan yang digunakan oleh atlet disenggara secara berkala serta naik taraf kemudahan sukan yang telah lama supaya sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat bagi melancarkan aktiviti latihan atlet.
5.	Sebanyak empat buah basikal dan empat buah aksesori (box bike) bagi kegunaan Atlet Para Podium diletakkan di tempat terbuka di Velodrom Nasional Malaysia iaitu di kawasan atlet program lain menjalani latihan. Selain itu, basikal dan peralatan basikal telah diletakkan di ruang <i>Sub Switch Board</i> (SSB)/ <i>Distribution Board</i> (DB).	Penyimpanan basikal di kawasan terbuka mendedahkan kepada risiko kehilangan. Penyimpanan basikal yang diletakkan di ruang <i>Sub Switch Board</i> (SSB)/ <i>Distribution Board</i> (DB) pula menghalang kerja-kerja penyenggaraan elektrik dan berbahaya kepada pengendali. Selain itu, ia boleh menyebabkan risiko renjatan elektrik dan bahaya kebakaran.	Ruang dan stor yang mencukupi dan selamat bagi menempatkan aset sukan.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

MAJLIS SUKAN NEGARA

INSTITUT SUKAN NEGARA

1. PENGURUSAN PROGRAM PODIUM SUKAN ELIT

FAKTA UTAMA

RM620 Juta Peruntukan diluluskan: • RMKe-11 (2016 hingga 2021) berjumlah RM380 juta • RMKe-12 (2022 hingga 2025) berjumlah RM240 juta	Temasya Sukan Utama Penilaian pencapaian atlet dalam temasya sukan utama • Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik • Sukan Komanwel • Sukan Asia dan Sukan Para Asia • Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN	2 Februari 2016 • Tarikh pelancaran Program Podium Sukan Elit
Objektif Program Podium	Memastikan prestasi atlet berada di tahap yang tinggi melalui pengurusan dan kawalan persekitaran prestasi yang optimum dan unggul serta membawa pulang pingat emas pertama negara di Temasya Sukan Olimpik dan mencapai kecemerlangan di kejohanan utama antarabangsa	
Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	• Merangka hala tuju dan dasar berkaitan sukan negara • Menyalurkan perbelanjaan peruntukan pembangunan • Memantau prestasi perbelanjaan pembangunan	
Institut Sukan Negara (ISN)	• Agensi pelaksana Program Podium dari tahun 2016 hingga 2018 • Bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksanakan pembangunan sains dan perubatan sukan pada semua peringkat	
Majlis Sukan Negara (MSN)	• Agensi pelaksana Program Podium dari tahun 2019 hingga kini • Bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksanakan pembangunan sukan prestasi tinggi pada semua peringkat	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Podium Sukan Elit (Program Podium) telah dilancarkan pada 2 Februari 2016 oleh Menteri Belia dan Sukan. Program ini merupakan antara lapan inisiatif Rangka Kerja Prestasi Tinggi yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk mempersiapkan atlet elit kebangsaan dalam usaha mencapai kecemerlangan sukan negara.

1.2. Program Podium dikendalikan pada peringkat awalnya oleh Institut Sukan Negara (ISN) bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Mac 2019. KBS kemudiannya pada 11 Mac 2019 telah membuat Rayuan Permohonan Notis Perubahan (NOC) untuk pertukaran agensi pelaksana kepada Majlis Sukan Negara (MSN) bagi memastikan pembangunan atlet dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Kelulusan telah diberikan pada 15 Mac 2019 oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. Pemilihan MSN sebagai agensi pelaksana yang baharu adalah selari dengan fungsi semasa MSN yang bertanggungjawab menyelaraskan program pembangunan atlet negara

terutamanya bagi persediaan atlet ke pelbagai kejohanan bertaraf antarabangsa. Pelaksanaan Program Podium ini adalah dengan kerjasama pemegang taruh seperti Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Paralimpik Malaysia, Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan lain-lain lagi. Walaupun pengurusan Program Podium berada di bawah ISN bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Mac 2019, MSN masih bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksanakan program pembangunan Sukan Prestasi Tinggi pada semua peringkat. Penetapan sasaran awal bagi pencapaian pingat dan pemilihan atlet adalah antara perkara yang dibincangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengurus MSN yang dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan.

1.3. Objektif utama Program Podium pada tempoh awal dikendalikan oleh ISN adalah memastikan prestasi atlet berada di tahap yang tinggi melalui pengurusan dan kawalan persekitaran prestasi yang optimum dan unggul. Setelah Program Podium diambil alih oleh MSN pada tahun 2019, objektif utama program telah diselaraskan iaitu membawa pulang pingat emas pertama negara di Temasya Sukan Olimpik dan mencapai kecemerlangan di kejohanan utama antarabangsa.

1.4. Peruntukan Program Podium telah diluluskan di dalam *Rolling Plan Pertama* (RP1) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan kos berjumlah RM380 juta. Tempoh pelaksanaan program yang sepatutnya selesai pada tahun 2020 telah dilanjutkan sehingga ke tahun 2021 bagi mempersiapkan atlet ke Temasya Sukan Olimpik Tokyo yang diadakan pada tahun 2021. Pada 23 Februari 2022, KBS telah mengangkat satu kertas Memorandum Jemaah Menteri bagi menyambung pelaksanaan Program Podium dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Jemaah Menteri seterusnya telah bersetuju supaya diwujudkan butiran Program Podium di bawah Peruntukan Pembangunan RMKe-12 dengan peruntukan berjumlah RM240 juta bagi tahun 2022 hingga 2025. Daripada RM620 juta yang diluluskan di bawah RMKe-11 dan RMKe-12, sejumlah RM390.57 juta telah disalurkan kepada agensi pelaksana sehingga 31 Disember 2022.

1.5. Skop Program Podium yang diluluskan merangkumi program latihan atlet ke arah menghadapi temasya sukan utama antarabangsa seperti berikut:

- a. Pengurusan atlet (elaun, penginapan, makan, pakaian dan pengangkutan);
- b. Pengurusan jurulatih dan anggota sokongan (gaji/elaun);
- c. Pengurusan kemudahan dan peralatan latihan serta pertandingan;
- d. Sewaan kemudahan dan tempat latihan;
- e. Pendedahan latihan dalam dan luar negara;
- f. Program kebajikan dan pendidikan atlet; dan
- g. Perkhidmatan sains dan perubatan sukan.

1.6. Sehingga 31 Desember 2022, sebanyak 35 jenis dan disiplin sukan disenaraikan di bawah Program Podium seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
JENIS DAN DISIPLIN SUKAN PROGRAM PODIUM

BIL.	ATLET	BIL.	ATLET PARA
1.	Akuatik Renang	1.	Para Akuatik Renang
2.	Akuatik Terjun	2.	Lawan Pedang Berkerusi Roda
3.	Badminton	3.	Para Badminton
4.	Berbasikal	4.	Para Berbasikal
5.	Gimnastik Artistik	5.	Boccia
6.	Memanah	6.	Para Memanah
7.	Sepak Takraw	7.	Para Menembak
8.	Karate Kata	8.	Para Olahraga
9.	Karate Kumite	9.	Para Ping Pong
10.	Wushu	10.	Para Powerlifting
11.	Skuasy	11.	Tenis Berkerusi Roda
12.	Gimrama		
13.	Lawn Bowls		
14.	Pelayaran		
15.	Angkat Berat		
16.	Tenpin Boling		
17.	Menembak		
18.	Hoki Padang		
19.	Ping Pong		
20.	Ragbi		
21.	Taekwondo Poomsae		
22.	Taekwondo Kyorugi		
23.	Tinju		
24.	Olahraga		

Sumber: MSN

1.7. Sejak Program Podium dilaksanakan pada tahun 2016, sebanyak 13 temasya sukan utama telah disertai seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
TEMASYA SUKAN UTAMA DISERTAI ATLET DAN ATLET PARA
PROGRAM PODIUM BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2022

BIL.	TEMASYA SUKAN	KATEGORI	TARIKH
1.	Sukan Olimpik Rio 2016	Atlet	05.08.2016 hingga 21.08.2016
2.	Sukan Paralimpik Rio 2016	Para	07.09.2016 hingga 18.09.2016
3.	Sukan SEA Kuala Lumpur 2017	Atlet	19.08.2017 hingga 30.08.2017
4.	Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017	Para	17.09.2017 hingga 23.09.2017
5.	Sukan Komanwel Gold Coast 2018	Atlet dan Atlet Para	04.04.2018 hingga 15.04.2018
6.	Sukan Asia Jakarta 2018	Atlet	18.08.2018 hingga 02.09.2018
7.	Sukan Para Asia Jakarta 2018	Para	06.10.2018 hingga 13.10.2018

BIL.	TEMASYA SUKAN	KATEGORI	TARIKH
8.	Sukan SEA Filipina 2019	Atlet	30.11.2019 hingga 11.12.2019
9.	Sukan Olimpik Tokyo 2020	Atlet	23.07.2021 hingga 08.08.2021
10.	Sukan Paralimpik Tokyo 2020	Atlet Para	24.08.2021 hingga 05.09.2021
11.	Sukan SEA Hanoi 2021	Atlet	12.05.2022 hingga 23.05.2022
12.	Sukan Para ASEAN Solo 2022	Atlet Para	30.07.2022 hingga 06.08.2022
13.	Sukan Komanwel Birmingham 2022	Atlet dan Atlet Para	28.07.2022 hingga 08.08.2022

Sumber: ISN dan MSN

1.8. Pemilihan atlet bagi Program Podium dijalankan pada setiap tahun di mana kumpulan atlet terbaik dikenal pasti menerusi kriteria pemilihan yang ditetapkan. Pemilihan atlet bagi Program Podium semasa di bawah pengendalian ISN adalah berdasarkan kriteria seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KRITERIA PEMILIHAN ATLET PODIUM DI BAWAH ISN

BIL.	ATLET
1.	Kedudukan tempat kelapan Sukan Olimpik yang terkini
2.	Kedudukan tempat kelapan Sukan Paralimpik yang terkini
3.	Memenangi pingat di Sukan Asia dan Sukan Komanwel
4.	Menduduki tangga keenam terbaik dunia dalam acara sukan
5.	Berupaya membuktikan kemampuan untuk menyumbang pingat di Sukan Olimpik dan Paralimpik
6.	Berupaya membuktikan kemampuan untuk menyumbang pingat di Sukan Asia dan Sukan Komanwel

Sumber: ISN

1.9. Kriteria pemilihan atlet kemudiannya telah ditambah baik selepas diambil alih oleh MSN. Syarat asas yang ditetapkan oleh MSN bagi pemilihan atlet ke Program Podium adalah minimum pemenang pingat perak dan pingat gangsa di Sukan SEA/Para ASEAN 2019, pemenang pingat emas SUKMA 2018 (bagi atlet di bawah 21 tahun) dan pemenang pingat di Kejohanan Remaja Dunia/ Asia/ Komanwel. Selanjutnya, atlet yang terpilih perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh MSN mengikut temasya untuk menyertai temasya sukan seterusnya. Kriteria tersebut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KRITERIA PEMILIHAN ATLET PODIUM DI BAWAH MSN

TEMASYA	KRITERIA
Sukan Olimpik/ Paralimpik	- Layak secara merit - Menduduki <i>ranking</i> terbaik dunia - Memenangi pingat di kejohanan dunia - Memenangi pingat di Temasya Sukan Asia dan Sukan Komanwel
Sukan Asia/ Para Asia dan Komanwel	- Pemenang pingat emas Sukan SEA 2019 - Pemenang pingat Sukan Asia/ Para Asia dan Komanwel 2018 - Pemenang pingat di kejohanan dunia/ Asia/ Komanwel
Sukan SEA/ Para ASEAN	- Pingat perak dan gangsa Sukan SEA/ Para ASEAN 2019 - Bawah 21 tahun dan pemenang pingat emas SUKMA 2018 - Pemenang pingat di Kejohanan Remaja Dunia/ Asia/ Komanwel

Sumber: Laporan Lembaga Pengurus MSN

1.10. Sehingga 31 Disember 2022, bilangan atlet yang terpilih dalam Program Podium (Atlet Podium) adalah 776 atlet. Bilangan atlet yang terpilih dalam Program Podium bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
BILANGAN ATLET YANG TERPILIH MENYERTAI PROGRAM PODIUM
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022

KATEGORI	BILANGAN ATLET						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Atlet	67	96	128	512	487	422	497
Atlet Para	28	21	19	-	135	114	70
Atlet Berfasa*	TB	TB	TB	TB	TB	TB	209
JUMLAH	95	117	147	512	622	536	776

Sumber: Senarai Atlet Podium ISN dan Laporan *Activity Performance Management Framework* (APMF), MSN

Nota: TB - Tidak Berkaitan kerana Pengambilan Atlet Berfasa Bermula pada Tahun 2022

(*) - Atlet Berfasa adalah Atlet yang Menjalani Latihan atau Mengikuti Kem Latihan Berfasa yang Dirancang Bersama PSK

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Podium telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu memastikan prestasi atlet berada di tahap yang tinggi melalui pengurusan dan kawalan persekitaran yang optimum dan unggul serta membawa pulang pingat emas pertama negara di Temasya Sukan Olimpik dan mencapai kecemerlangan di kejohanan utama antarabangsa.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini merangkumi dua bidang utama Audit, iaitu prestasi dan pengurusan program di bawah ISN dan MSN bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Prestasi program dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasian. Pengurusan program pula meliputi empat perkara iaitu peruntukan dan perbelanjaan, pengurusan jurulatih, kemudahan dan peralatan sukan serta penyimpanan aset sukan.

3.2 Temasya sukan utama yang dinilai adalah Temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik, Temasya Sukan Komanwel serta Temasya Sukan Asia dan Para Asia. Pengauditan dilakukan terhadap 16 sampel sukan daripada 35 jenis sukan dan disiplin Program Podium pada tahun 2022 yang melibatkan 10 sukan untuk atlet dan enam sukan untuk atlet para seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
SAMPEL SUKAN PROGRAM PODIUM



Sumber: Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan menganalisis data yang berkaitan dengan Program Podium. Lawatan dan pemeriksaan fizikal serta temu bual dengan pegawai, atlet dan jurulatih yang terlibat juga turut dijalankan. Selain itu, soal selidik mengenai kepuasan atlet dan jurulatih turut dilaksanakan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan dilaksanakan bermula pada 13 Disember 2022 hingga 10 Februari 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada auditi yang terlibat telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 17 Julai 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Program

5.1.1. Pencapaian Output

Berdasarkan Deskripsi Projek SPP II, ISN memfokuskan Program Podium sebagai program persediaan atlet elit dari sudut penyertaan dan pencapaian pingat untuk sukan antarabangsa yang akan berlangsung pada tahun 2018 dan 2020 iaitu Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik. Pertukaran agensi pelaksana Program Podium oleh MSN pada tahun 2019 telah diperkukuhkan lagi dengan mengambil kira sasaran dan pencapaian dari sudut bilangan pengambilan Atlet Podium, penyertaan

atlet di kejohanan luar negara bagi penentuan *ranking* dunia dan penyertaan atlet serta pungutan pingat di temasya sukan utama.

a. Pencapaian Output Program di bawah ISN

- i. Penilaian output yang dibuat oleh pihak Audit adalah terhadap pencapaian di temasya sukan utama yang difokuskan oleh ISN pada tahun 2018 sahaja iaitu Temasya Sukan Komanwel Gold Coast 2018, Temasya Sukan Asia dan Para Asia Jakarta 2018 kerana Temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 telah ditangguhkan ke tahun 2021.
- ii. Semakan Audit mendapati berdasarkan pengumuman Menteri Belia dan Sukan, sasaran yang ditetapkan bagi ketiga-tiga temasya sukan tersebut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
SASARAN TEMASYA SUKAN UTAMA TAHUN 2018

BIL.	TEMASYA SUKAN UTAMA	SASARAN	CATATAN
1.	Komanwel Gold Coast	Melebihi 6 Pingat Emas	Pengumuman Menteri Belia dan Sukan pada 27.03.2018
2.	Asia Jakarta	7 Pingat Emas	Pengumuman Menteri Belia dan Sukan pada 10.08.2018
3.	Para Asia Jakarta	15 Pingat Emas	Pengumuman Menteri Belia dan Sukan pada 01.10.2018

Sumber: ISN

- iii. Analisis Audit terhadap penyertaan Atlet Podium bagi ketiga-tiga temasya sukan utama pada tahun 2018 mendapati penyertaan adalah antara 44.2% hingga 94.7% daripada keseluruhan 147 bilangan Atlet Podium pada tahun 2018. Manakala pencapaian Atlet Podium dari sudut sumbangan pingat yang dimenangi pula adalah antara 25% hingga 83.3% daripada keseluruhan pingat yang diperolehi mengikut temasya sukan yang disertai seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENYERTAAN ATLET PODIUM DAN PINGAT YANG DIMENANGI
DALAM TEMASYA SUKAN UTAMA TAHUN 2018


BIL.	BILANGAN ATLET PODIUM	TEMASYA SUKAN UTAMA	BILANGAN ATLET PODIUM YANG MENYERTAI TEMASYA	PERATUS PENYERTAAN ATLET PODIUM KE TEMASYA (%)	BILANGAN PINGAT KESELURUHAN DIMENANGI KONTINJEN MALAYSIA	BILANGAN PINGAT YANG DIMENANGI ATLET PODIUM	PERATUS PINGAT YANG DIMENANGI ATLET PODIUM (%)
1.	147	*Komanwel Gold Coast	65	44.2	24	20	83.3
2.	128	Asia Jakarta	84	65.6	36	27	75.0
3.	19	Para Asia Jakarta	18	94.7	68	17	25.0

Sumber: *High Performance Commonwealth Games (HPCG) 2018 Report* dan *High Performance Report Asian Games 2018*

Nota: (*) - Temasya Sukan Komanwel Gold Coast Melibatkan Penyertaan Atlet dan Atlet Para


- iv. Ringkasan penyertaan dan pencapaian Atlet Podium dalam ketiga-tiga temasya sukan tersebut adalah seperti dalam **Rajah 2** hingga **4**.

RAJAH 2
PENYERTAAN DAN PENCAPAIAN ATLET PODIUM DALAM
TEMASYA SUKAN KOMANWEL GOLD COAST 2018



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

RAJAH 3
PENYERTAAN DAN PENCAPAIAN ATLET PODIUM DALAM
TEMASYA SUKAN ASIA JAKARTA 2018



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

RAJAH 4
PENYERTAAN DAN PENCAPAIAN ATLET PARA PODIUM DALAM
TEMASYA SUKAN PARA ASIA JAKARTA 2018



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

b. Pencapaian Output Program di bawah MSN

MSN telah mensasarkan sebanyak lima sasaran output di bawah Program Podium bagi tahun 2019 hingga 2022 melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Analisis Audit mendapati dua daripada lima sasaran output yang ditetapkan telah tercapai, dua tidak tercapai sepenuhnya dan satu belum dapat diukur seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
SASARAN DAN PENCAPAIAN OUTPUT BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN SEBENAR	STATUS	PERATUS PENCAPAIAN (%)
1.	KPI 1: Bilangan atlet yang terpilih di bawah Program Podium/Podium Para	2019	500	512	Tercapai	102.4
		2020	600	622	Tercapai	103.7
		2021	500	536	Tercapai	107.2
		2022	650	776	Tercapai	119.4
2.	KPI 2: Bilangan kejohanan luar negara yang disertai bagi penentuan <i>ranking</i> dunia	2019	177	123	Tidak Tercapai	69.5
		2020	237	23	Tidak Tercapai	9.7
		2021	200	80	Tidak Tercapai	40.0
		2022	100	149	Tercapai	149.0
3.	KPI 3: Bilangan temasya sukan antarabangsa yang disertai	2019	1	1	Tercapai	100.0
		2020	3	0	Tidak Tercapai	0
		2021	4	2	Tidak Tercapai	50.0
4.	KPI 4: Pencapaian pingat di Temasya Sukan Komanwel 2022	*2022	20	23	Tercapai	115.0
5.	KPI 5: Pencapaian pingat di Temasya Sukan Asia 2022	*2022	30	**Belum dapat diukur	** Belum dapat diukur	** Belum dapat diukur


Sumber: Laporan *Activity Performance Management Framework* (APMF), MSN

Nota: (*) - Pada Tahun 2022, MSN Telah Membuat Tambahan KPI 4 dan 5

(**) - Belum Dapat Diukur kerana Temasya Sukan Asia 2022 Ditangguhkan ke Tahun 2023 Akibat Covid-19

i. **KPI 1: Bilangan Atlet Terpilih ke Program Podium**


Semakan Audit mendapati sasaran bagi pengambilan bilangan atlet di bawah Program Podium tercapai sepenuhnya dengan peratus pencapaian antara 102.4% hingga 119.4%. Bilangan pengambilan atlet tertinggi adalah pada tahun 2022 iaitu seramai 776. Trend bilangan atlet terpilih ke Program Podium bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 adalah seperti di **Carta 1**.



Sumber: Data daripada Bahagian Korporat MSN dan Analisis Jabatan Audit Negara

ii. **KPI 2: Bilangan Kejohanan Luar Negara yang Disertai**

- Analisis Audit terhadap Bilangan Kejohanan Luar Negara yang Disertai adalah seperti dalam **Carta 2**.



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

- Semakan Audit selanjutnya mendapati sasaran **bilangan kejohanan luar negara yang disertai bagi penentuan *ranking* dunia tidak dapat dicapai sepenuhnya pada tahun 2019 hingga 2021 adalah kerana pembatalan dan penangguhan kejohanan dunia akibat pandemik Covid-19. Perkara ini menyebabkan penyertaan atlet ke luar negara adalah terhad.**

Maklum balas MSN yang diterima pada 24 Julai 2023

Penetapan sasaran bilangan kejohanan luar negara dibuat pada tahun sebelum (seawal bulan April/Mei) menerusi sistem *MyResult* pada setiap tahun. Sasaran pada tahun 2020 ditetapkan pada awal tahun 2019 di mana tiada isu penularan Covid-19 di seluruh dunia. Penganjuran kejohanan antarabangsa juga telah ditangguhkan/dibatalkan sepanjang tahun 2020 termasuklah Temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020.

Bagi tahun 2021, atlet negara dijangka akan menyertai kejohanan kelayakan dan Temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 serta Sukan SEA dan Para ASEAN Vietnam 2021 dengan beranggapan tiada lagi isu Covid-19. Temasya Sukan SEA dan Para ASEAN 2021 yang melibatkan 11 negara ASEAN juga telah ditangguhkan ke tahun 2022. Selain daripada itu, sebanyak 64 pendedahan pertandingan dan latihan di dalam dan luar negara oleh atlet Program Podium Para telah disertai sepanjang tahun 2019 sehingga 2022.


MSN akan mengambil tindakan penambahbaikan dengan melaksanakan penilaian semula sasaran yang dijangka dibuat pada penghujung separuh tahun semasa serta dibincangkan dalam Mesyuarat OBB/KPI di peringkat MSN. Aspek peruntukan ketersediaan atlet dari segi mental dan fizikal serta situasi semasa diambil kira dalam proses penilaian semula sasaran bilangan kejohanan luar negara yang disertai dalam Program Podium.

iii. KPI 3: Bilangan Temasya Sukan Antarabangsa yang Disertai

- MSN telah mensasarkan lapan temasya sukan utama bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 untuk disertai Atlet Podium bagi tujuan menilai prestasi pencapaian atlet. Sasaran sebanyak satu penyertaan temasya sukan utama untuk tahun 2019 telah dicapai dengan penyertaan Kontinjen Malaysia dalam Temasya Sukan SEA Filipina 2019. Pada tahun 2020, tiada sebarang temasya sukan utama disertai berbanding tiga temasya yang disasarkan. Bagi tahun 2021 pula, hanya dua (50%) temasya sukan utama

telah disertai iaitu Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan Temasya Sukan Paralimpik Tokyo 2020 berbanding empat temasya sukan yang disasarkan.


- Bilangan temasya sukan antarabangsa yang disertai adalah seperti dalam **Carta 3**.



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara


- Objektif utama pelaksanaan Program Podium adalah membawa pulang pingat emas pertama negara di Temasya Sukan Olimpik. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sasaran bagi pungutan pingat dan penyertaan Atlet Podium tidak ditetapkan dalam KPI MSN bagi Temasya Sukan Olimpik Tokyo.
- Analisis Audit terhadap penyertaan dan pencapaian Atlet Podium dalam Temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 yang diadakan antara bulan Julai hingga September 2021 adalah seperti di **Rajah 5** dan **Rajah 6**.

RAJAH 5
PENYERTAAN DAN PENCAPAIAN ATLET PODIUM DALAM
TEMASYA SUKAN OLIMPIK TOKYO 2020



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

RAJAH 6
PENYERTAAN DAN PENCAPAIAN ATLET PARA PODIUM DALAM
TEMASYA SUKAN PARALIMPIK TOKYO 2020



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Maklum balas MSN yang diterima pada 31 Mei dan 24 Julai 2023

Sasaran yang ditetapkan bagi bilangan temasya antarabangsa tidak dapat dicapai pada tahun 2020 sehingga 2021 kerana penularan wabak Covid-19 yang melanda seluruh dunia ketika itu.

Temasya Sukan Olimpik/Paralimpik Tokyo 2020 merupakan temasya besar yang pertama dilaksanakan selepas wabak pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Pandemik ini telah memberi kesan yang ketara terhadap persediaan dan pengurusan Kontinjen Malaysia. Antara kesannya adalah perancangan program latihan seperti program latihan luar negara akibat sekatan perjalanan; kalender kejohanan dalam dan luar negara ditangguhkan serta dibatalkan; atlet negara tidak

dapat bersaing dengan atlet luar akibat sekatan perjalanan dan penutupan pintu sempadan negara; latihan berbentuk *bubble training camp* menjejaskan emosi dan psikologi atlet dan kekurangan kejohanan menyebabkan data prestasi atlet pesaing tidak dapat dikaji dan dinilai sepenuhnya.

Pada tahun 2020, sasaran tiga temasya adalah bagi Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020, Paralimpik Tokyo 2020 dan Sukan Para ASEAN Filipina 2020. Namun, sasaran tidak dapat dicapai kerana penangguhan penganjuran Temasya Sukan Olimpik Tokyo dan Paralimpik Tokyo ke tahun 2021 dan pembatalan Temasya Sukan Para ASEAN Filipina 2020 berikutan pandemik Covid-19.

Pada tahun 2021, sasaran empat temasya adalah bagi Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020, Paralimpik Tokyo 2020, Sukan SEA Vietnam 2021 dan Para ASEAN Filipina 2020. Bagaimanapun, hanya Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan Paralimpik Tokyo 2020 yang disertai kerana Sukan SEA Vietnam 2021 dan Para ASEAN Filipina 2020 dibatalkan berikutan pandemik Covid-19.

iv. KPI 4: Pencapaian Pingat di Temasya Sukan Komanwel Birmingham 2022

- Berdasarkan makluman daripada Menteri Belia dan Sukan kepada Jemaah Menteri pada bulan September 2022 berkenaan Prestasi Kontinjen Negara di Temasya Sukan Komanwel Birmingham 2022 menetapkan sasaran pingat adalah enam pingat emas.
- Penyertaan dan pencapaian Atlet Podium dalam Temasya Sukan Komanwel Birmingham 2022 adalah seperti dalam **Rajah 7**.

RAJAH 7
PENYERTAAN DAN PENCAPAIAN ATLET PODIUM DALAM
TEMASYA SUKAN KOMANWEL BIRMINGHAM 2022



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

v. **KPI 5: Pencapaian Pingat di Temasya Sukan Asia 2022**

- Temasya Sukan Asia 2022 telah dijadualkan pada 10 hingga 25 September 2022 di Hangzhou, China. Semakan Audit mendapati Temasya Sukan Asia 2022 telah ditangguhkan ke tahun 2023 akibat pandemik Covid-19 yang masih melanda negara tersebut. Sehubungan itu, penilaian terhadap pencapaian pingat oleh Atlet Podium belum dapat diukur sehingga tarikh pengauditan disebabkan penangguhan temasya sukan tersebut.

Pendapat Audit | **Pencapaian output di bawah ISN bagi sasaran pungutan pingat telah tercapai sepenuhnya. Pencapaian output di bawah MSN pula bagi lima sasaran yang ditetapkan hanya dua berjaya dicapai.**

5.1.2. **Pencapaian Keberhasilan**

Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian keberhasilan dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Selain itu, berdasarkan Arahan No. 1 Tahun 2010, Majlis Tindakan Negara menyatakan bahawa penilaian keberhasilan adalah sebagai sistem amaran awal untuk membantu Kementerian menyelaraskan semula strategi pelaksanaan program agar mencapai sasaran keberhasilan yang dihasratkan.

Sebanyak empat sasaran keberhasilan telah ditetapkan bagi Program Podium iaitu mendapatkan pingat emas di Temasya Sukan Olimpik, kedudukan negara dalam senarai 10 terbaik di dua temasya sukan utama serta penyenaian bilangan Atlet Podium dalam senarai *ranking* dunia. Analisis Audit mendapati pencapaian keberhasilan adalah seperti berikut:

a. **Kedudukan 10 Negara Terbaik di Sukan Komanwel Gold Coast 2018**

- Sasaran keberhasilan yang ditetapkan di bawah Program Podium adalah untuk mencapai kedudukan negara dalam sepuluh teratas di Sukan Komanwel Gold Coast 2018.
- Semakan Audit terhadap makluman daripada Menteri Belia dan Sukan kepada Jemaah Menteri bertarikh 14 September 2018 bagi Temasya Sukan Komanwel Gold Coast 2018 mendapati **Kontinjen Malaysia telah mendapat kedudukan ke-12 daripada 43 negara yang**

mendapat pingat. Semakan Audit seterusnya mendapati sasaran kedudukan 10 negara terbaik di Temasya Sukan Komanwel Gold Coast 2018 tidak tercapai. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KEDUDUKAN MALAYSIA DI TEMASYA SUKAN KOMANWEL GOLD COAST 2018

RANKING	NEGARA	PUNGUTAN PINGAT			
		EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1.	Australia	80	59	59	198
2.	England	45	45	46	136
3.	India	26	20	20	66
4.	Canada	15	40	27	82
5.	New Zealand	15	16	15	46
6.	South Africa	13	11	13	37
7.	Wales	10	12	14	36
8.	Scotland	9	13	22	44
9.	Nigeria	9	9	6	24
10.	Cyprus	8	1	5	14
11.	Jamaica	7	9	11	27
*12.	Malaysia	7	5	12	24
13.	Singapura	5	2	2	9
14.	Kenya	4	7	6	17
15.	Uganda	3	1	2	6
43.	Kepulauan Solomon	0	0	1	1

Sumber: Makluman daripada Menteri Belia dan Sukan kepada Jemaah Menteri

Nota: (*) - Malaysia Berada di Kedudukan ke-12 daripada 43 Negara yang Mendapat Pingat

Maklum balas ISN yang diterima pada 24 Julai 2023

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi prestasi atlet di peringkat temasya sukan berprestasi tinggi walaupun atlet berada dalam prestasi terbaik untuk bertanding. Merujuk kepada *High Performance Commonwealth Games 2018 Report*, kejayaan dan kegagalan atlet turut dipengaruhi oleh strategi teknikal dan taktikal pihak lawan, keupayaan atlet untuk mengadaptasi tekanan yang dihadapi dan menanganinya serta risiko kecederaan lama yang berulang.

Bagaimanapun dari sudut pencapaian pingat, Kontinjen Malaysia telah memenangi tujuh pingat emas, lima perak dan 12 gangsa menjadikan jumlah kutipan pingat keseluruhan sebanyak 24. Atlet Podium berjaya memenangi 20 pingat daripada jumlah keseluruhan 24 pingat yang dimenangi. Pencapaian ini adalah lebih baik berbanding penyertaan di Temasya Sukan Komanwel Glasgow 2014 dengan enam pingat emas, tujuh perak dan enam gangsa menduduki tempat ke-12 keseluruhan dengan 19 jumlah pungutan pingat sahaja.

Sehubungan itu, walaupun hanya menduduki tempat ke-12, pencapaian atlet Podium di Sukan Komanwel adalah amat membanggakan dengan berjaya mengalahkan juara dunia dan memecahkan rekod termasuk mencapai *personal best*.

b. Kedudukan 10 Negara Terbaik di Sukan Asia Jakarta 2018

- i. Program Podium juga telah menetapkan sasaran untuk mencapai kedudukan sepuluh teratas dalam Sukan Asia Jakarta 2018.
- ii. Semakan Audit terhadap makluman daripada Menteri Belia dan Sukan kepada Jemaah Menteri bertarikh 14 September 2018 bagi Temasya Sukan Asia Jakarta 2018 mendapati negara **Malaysia telah mendapat kedudukan yang ke-14 daripada 37 negara yang mendapat pingat**. Semakan Audit seterusnya mendapati sasaran kedudukan 10 negara terbaik di Temasya Sukan Asia Jakarta 2018 tidak tercapai. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KEDUDUKAN MALAYSIA DI TEMASYA SUKAN ASIA JAKARTA 2018

RANKING	NEGARA	PUNGUTAN PINGAT			
		EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1.	China	132	92	65	289
2.	Jepun	74	56	74	204
3.	Korea Selatan	49	58	70	177
4.	Indonesia	31	24	43	98
5.	Uzbekistan	21	24	25	70
6.	Iran	20	20	22	62
7.	Chinese Taipei	17	19	31	67
8.	India	15	24	30	69
9.	Kazakhstan	15	17	44	76
10.	Korea Utara	12	12	13	37
11.	Bahrain	12	7	7	26
12.	Thailand	11	16	46	73
13.	Hong Kong	8	18	20	46
*14.	Malaysia	7	13	16	36
15.	Qatar	6	4	3	13
					
37.	Syria	0	0	1	1

Sumber: Makluman daripada Menteri Belia dan Sukan kepada Jemaah Menteri

Nota: (*) - Malaysia Berada di Kedudukan ke-14 daripada 37 Negara yang Mendapat Pingat

Maklum balas ISN yang diterima pada 24 Julai 2023

Penetapan sasaran awal untuk menduduki tempat ke-10 terbaik di temasya Sukan Asia tidak dapat dicapai. Merujuk kepada *High Performance Report Asian Games 2018*, kejayaan dan kegagalan atlet juga dipengaruhi oleh strategi teknikal dan taktikal pihak lawan, keupayaan atlet untuk mengadaptasi tekanan yang dihadapi dan menanganinya serta risiko kecederaan lama yang berulang. Namun, pencapaian pungutan pingat lebih baik daripada pencapaian di Sukan Asia Incheon 2014 iaitu kekal menduduki tempat ke-14 dengan jumlah pungutan pingat sebanyak 33 iaitu lima pingat emas, 14 perak dan 14 gangsa.

Walaupun tidak berjaya menduduki tempat ke 10 negara terbaik di temasya Sukan Asia 2018, pencapaian atlet boleh dibanggakan melalui pencapaian sasaran pingat emas, rekod kebangsaan yang diperbaharui dan berjaya menerima kelayakan penyertaan lebih awal ke Sukan Olimpik 2020.

c. Bilangan Atlet dalam Kedudukan Enam Terbaik Dunia

- i. Atlet yang berjaya menempatkan diri dalam senarai *ranking* dunia sukan menunjukkan bahawa atlet memiliki prestasi pencapaian sukan yang unggul dan disegani. Kedudukan atlet dalam senarai *ranking* dunia diperolehi melalui pengiraan merit daripada penyertaan atlet di pelbagai kejohanan dunia dan dinilai dalam tempoh masa yang ditetapkan. Penyertaan atlet ke temasya sukan utama seperti Sukan Olimpik dan kejohanan dunia turut mengambil kira kedudukan atlet dalam senarai *ranking* dunia.
- ii. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, sasaran telah ditetapkan untuk menyenaraikan 10 atlet di tangga enam terbaik dunia. Sasaran ini telah ditetapkan semasa Program Podium dikendalikan oleh ISN.
- iii. Semakan Audit terhadap Laporan Tahunan ISN bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati sasaran ini telah dicapai. Pencapaian sebenar bilangan atlet yang berada dalam kedudukan enam terbaik dunia bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah melebihi sasaran 10 atlet yang ditetapkan. Peratus pencapaian adalah antara 150% hingga 310% bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018.
- iv. Semakan selanjutnya mendapati semasa Program Podium dikendalikan oleh MSN, sasaran yang sama turut ditetapkan iaitu untuk menyenaraikan bilangan Atlet Podium dalam kedudukan enam terbaik dunia bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Semakan Audit mendapati sasaran ini telah berjaya dicapai dengan peratus pencapaian antara 100% hingga 245%. Butiran lanjut bagi

kedudukan Atlet Podium di tangga enam terbaik dunia adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
SASARAN DAN PENCAPAIAN ATLET DALAM KEDUDUKAN
ENAM TERBAIK DUNIA BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2022

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN SEBENAR	%	STATUS
1.	*10 atlet berada dalam kedudukan enam terbaik dunia	2016	10	15	150	Tercapai
		2017	10	20	200	
		2018	10	31	310	
2.	**Bilangan atlet berada dalam kedudukan enam terbaik dunia	2019	20	49	245	
		2020	50	58	116	
		2021	50	68	136	
		2022	55	55	100	

Sumber: Laporan Tahunan ISN dan Laporan *Activity Performance Management Framework* (APMF), MSN

Nota : *KPI ditetapkan semasa Program Podium di bawah ISN

**KPI ditetapkan semasa Program Podium di bawah MSN

d. Mendapat Pingat Emas Pertama di Temasya Sukan Olimpik

Sasaran untuk mendapatkan pingat emas pertama di Temasya Sukan Olimpik adalah selaras dengan objektif utama Program Podium. Bagaimanapun, sasaran keberhasilan untuk mendapatkan emas di temasya sukan ini masih belum tercapai hingga kini.

Maklum balas ISN yang diterima pada 24 Julai 2023

Kerjasama rapat dilaksanakan secara berterusan antara kedua-dua agensi bagi melaksanakan Program Podium dalam usaha mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

e. Prestasi Pencapaian Pingat di Temasya Sukan Utama Sebelum dan Selepas Program Podium

- i. Pihak Audit telah membuat analisis terhadap peningkatan prestasi atlet dalam temasya sukan utama dari sudut sebelum dan selepas Program Podium dilaksanakan bagi tahun 2016 hingga 2018 dan mendapati, berlaku peningkatan pada pencapaian pingat di empat temasya sukan utama selepas program dilaksanakan pada tahun 2016. Prestasi pencapaian pingat di temasya sukan utama adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PRESTASI PENCAPAIAN PINGAT DI TEMASYA SUKAN UTAMA
SEBELUM DAN SELEPAS PROGRAM PODIUM

KATEGORI	PENCAPAIAN	TEMASYA SUKAN UTAMA					
		SUKAN OLIMPIK		SUKAN KOMANWEL		SUKAN ASIA	
		SEBELUM PROGRAM	SELEPAS PROGRAM	SEBELUM PROGRAM	SELEPAS PROGRAM	SEBELUM PROGRAM	SELEPAS PROGRAM
	PINGAT	London 2012	Rio 2016	Glasgow 2014	Gold Coast 2018	Incheon 2014	Jakarta 2018
Atlet	Emas	-	-	6	7	5	7
	Perak	1	4	7	4	14	13
	Gangsa	1	1	5	11	14	16
	JUMLAH	2	5	18	22	33	36
Atlet Para	TEMASYA	SUKAN PARALIMPIK		SUKAN KOMANWEL		SUKAN PARA ASIA	
	PINGAT	London 2012	Rio 2016	Glasgow 2014	Gold Coast 2018	Incheon 2014	Jakarta 2018
	Emas	-	3	-	-	15	17
	Perak	1	-	-	1	20	26
	Gangsa	1	1	1	1	27	25
	JUMLAH	2	4	1	2	62	68
	JUMLAH KESELURUHAN	4	9	19	24	95	104

Sumber: MSN

- ii. Analisis Audit terhadap temasya sukan utama sebelum dan selepas Program Podium dilaksanakan mendapati jumlah pungutan pingat yang dimenangi meningkat.
- iii. Tahun 2016 dianggap sebagai pencapaian terbaik bagi atlet negara di Temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik berbanding pencapaian di Temasya Sukan Olimpik London, 2012. Atlet berjaya memenangi empat pingat perak dan satu gangsa di Temasya Sukan Olimpik Rio, 2016 berbanding satu pingat perak dan satu pingat gangsa di Temasya Sukan Olimpik London, 2012. Prestasi pencapaian atlet para juga adalah baik dengan berjaya merangkul tiga pingat emas dan satu gangsa di Temasya Sukan Paralimpik Rio, 2016 berbanding satu pingat perak dan satu pingat gangsa di Temasya Sukan Paralimpik London, 2012.


f. Tahap Kepuasan Atlet dan Jurulatih

- i. Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada atlet, atlet para dan jurulatih Program Podium bagi mengetahui tahap kepuasan kemudahan peralatan sukan, kejohanan yang disertai dan tempat latihan atlet. Soal selidik telah diedarkan melalui sistem *Quick Response* (QR) dengan kerjasama MSN mulai 4 Januari hingga 7 Februari 2023.

ii. Soal selidik melibatkan 278 responden yang merangkumi 210 atlet dan atlet para serta 68 jurulatih. Aspek utama yang dinilai adalah kepuasan responden terhadap kemudahan peralatan sukan dan kejohanan yang disertai. Berdasarkan analisis Audit mendapati perkara berikut:

- Sebanyak 39 (18.6%) responden sangat berpuas hati, 100 (47.6%) responden berpuas hati, 44 (20.9%) responden adalah neutral, 21 (10%) responden tidak berpuas hati dan enam (2.9%) responden sangat tidak berpuas hati terhadap peralatan sukan yang disediakan kepada Atlet Podium seperti dalam **Carta 4**.


CARTA 4
KEPUASAN ATLET/ATLET PARA TERHADAP PERALATAN SUKAN



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara Berdasarkan Edaran Soal Selidik

- Sebanyak 122 (58.1%) responden bersetuju bahawa kejohanan yang disertai adalah mencukupi bagi meningkatkan prestasi seseorang atlet dalam bidang sukan yang diceburi manakala 88 (41.9%) responden tidak bersetuju. Tahap kepuasan responden adalah seperti dalam **Carta 5**.


CARTA 5
MAKLUM BALAS RESPONDEN TERHADAP KECUKUPAN PENDEDAHAN LATIHAN DAN KEJOHANAN DALAM DAN LUAR NEGARA



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara Berdasarkan Edaran Soal Selidik

- Sebanyak 45 (21.4%) responden sangat berpuas hati, 105 (50%) responden berpuas hati, 42 (20%) responden adalah neutral, 14 (6.7%) responden tidak berpuas hati dan empat (1.9%) responden sangat tidak berpuas hati terhadap kemudahan tempat latihan yang disediakan kepada Atlet Podium seperti dalam **Carta 6**.


CARTA 6
KEPUASAN ATLET/ATLET PARA TERHADAP TEMPAT LATIHAN



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara Berdasarkan Edaran Soal Selidik

- Berhubung soal selidik sama ada jurulatih berpuas hati atau tidak terhadap peralatan sukan yang disediakan di bawah Program Podium, sebanyak 16 (23.5%) responden sangat berpuas hati, 23 (33.8%) responden berpuas hati, 14 (20.6%) responden adalah neutral, sembilan (13.2%) responden tidak berpuas hati dan enam (8.9%) responden sangat tidak berpuas hati berkenaan peralatan sukan yang disediakan seperti dalam **Carta 7**.

CARTA 7
KEPUASAN JURULATIH TERHADAP KEMUDAHAN DAN PERALATAN SUKAN



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara Berdasarkan Edaran Soal Selidik

iii. Secara umumnya, dapat dirumuskan bahawa atlet, atlet para dan jurulatih berpuas hati dengan pelaksanaan Program Podium. Namun, terdapat beberapa penambahbaikan yang dicadangkan seperti berikut:

- Kenaikan kadar elaun latihan atlet serta semakan semula kadar gaji, elaun dan insentif bagi jurulatih dalam negara;
- Perancangan program dengan lebih cekap dan menyeluruh serta kerjasama yang baik dengan PSK;
- Menambah baik pengurusan dan pentadbiran serta pengurusan disiplin terhadap atlet; dan
- Menambah baik fasiliti sukan seperti trek olahraga, menyediakan kemudahan gimnasium mesra orang kurang upaya di Velodrom Nasional Malaysia bagi sukan para berbasikal, menyedia dan menambahbaik perkhidmatan pengangkutan serta menyediakan kemudahan stor alatan.

**Pendapat
Audit**


Pencapaian keberhasilan Program Podium adalah kurang memuaskan kerana sasaran untuk menempatkan negara di kedudukan 10 negara terbaik di Temasya Sukan Komanwel Gold Coast dan Temasya Sukan Asia Jakarta 2018 tidak tercapai. Bagaimanapun, sasaran keberhasilan untuk menempatkan Atlet Podium dalam kedudukan enam terbaik dunia telah tercapai.

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan Kewangan

- a. Sejumlah RM330.57 juta (87%) telah diterima oleh ISN dan MSN bagi tempoh tahun 2016 hingga 2021 manakala sejumlah RM60 juta (25%) telah diterima oleh MSN pada tahun 2022 bagi pelaksanaan Program Podium.
- b. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2021, peruntukan yang telah dibelanjakan adalah berjumlah RM305.76 juta (92.5%) manakala bagi tahun 2022 pula adalah berjumlah RM59.53 juta (99.2%). Ringkasan peruntukan dan perbelanjaan bagi Program Podium adalah seperti di **Rajah 8**.

RAJAH 8
RINGKASAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM PODIUM



Sumber: Baucar Bayaran KBS, Laporan Perbelanjaan ISN dan MSN serta Analisis Jabatan Audit Negara

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati, ISN dan MSN tidak menyediakan pecahan perbelanjaan mengikut tujuh skop utama yang diluluskan oleh Kementerian Ekonomi. Oleh itu, **pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan terhadap prestasi perbelanjaan Program Podium mengikut skop kelulusan yang telah ditetapkan.**

Maklum balas MSN yang diterima pada 31 Mei dan 24 Julai 2023

Penyata Kewangan MSN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 masih belum diaudit. Bagaimanapun, Lejar Program Podium Tahun 2022 telah selesai dibuat pelunasan. Perbelanjaan Program Podium bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM59.53 juta. Maklumat pecahan perbelanjaan tidak dibuat mengikut butiran skop kelulusan yang ditetapkan. Namun, perbelanjaan yang dicaj ke kod Podium adalah berdasarkan skop kelulusan tersebut sahaja.

Mulai tahun 2024, MSN akan memperincikan carta akaun berdasarkan butiran skop Program Podium bagi memudahkan pemantauan dan kawalan perbelanjaan dalam setiap skop yang berkaitan.

Maklum balas ISN yang diterima pada 31 Mei 2023 dan 12 Julai 2023

Maklumat pecahan perbelanjaan mengikut skop kelulusan yang ditetapkan juga tidak disediakan. Bagaimanapun, penyaluran yang diterima telah digunakan sepenuhnya bagi Program Podium.

Pendapat Audit | **Perbelanjaan mengikut skop kelulusan tidak dibuat menyebabkan prestasi perbelanjaan tidak dapat dianalisis sama ada mematuhi skop sepatutnya.**

d. Perbelanjaan Tiada Dalam Skop yang Diluluskan

- i. Semasa Program Podium dilancarkan pada tahun 2016, Unit Perancang Ekonomi (UPE) yang kini adalah Kementerian Ekonomi telah meluluskan tujuh skop utama Program Podium iaitu pengurusan atlet (elaun, penginapan, makan, pakaian dan pengangkutan), pengurusan jurulatih dan anggota sokongan (gaji/elaun), pengurusan kemudahan dan peralatan latihan serta pertandingan, sewaan kemudahan dan tempat latihan, pendedahan latihan dalam dan luar negara, program kebajikan serta pendidikan atlet dan perkhidmatan sains dan perubatan sukan.
- ii. Selanjutnya, Pekeliling Perbendaharaan WP 7.5 menetapkan, Agensi Kerajaan yang menerima peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan melalui geran peruntukan dikehendaki mematuhi semua peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Peruntukan yang disalurkan merupakan wang awam yang perlu dibelanjakan secara berhemat, terarah, teratur dan bebas daripada ketirisan.
- iii. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 mendapati perbelanjaan MSN untuk Program Podium turut merangkumi perbelanjaan atlet yang bukan berada di bawah Program Podium berjumlah RM1.47 juta. **Perbelanjaan ini tiada dalam skop yang diluluskan** dan sehingga tarikh pengauditan, tiada permohonan dikemukakan oleh MSN kepada Kementerian Ekonomi (UPE) untuk mendapatkan kelulusan terhadap perbelanjaan yang tiada dalam skop. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 9, Jadual 13** hingga **16**.

RAJAH 9 PERBELANJAAN TIADA DALAM SKOP YANG DILULUSKAN



Sumber: Baucar Bayaran ISN dan MSN serta Analisis Jabatan Audit Negara

JADUAL 13 PERBELANJAAN ATLET DAN JURULATIH PROGRAM PELAPIS KEBANGSAAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

BIL.	SUKAN	BAUCAR BAYARAN					JUMLAH (RM)
		NO. DAN TARIKH BAUCAR/ JURNAL	AMAUN (RM)	PERIHAL	ATLET PELAPIS KEBANGSAAN	JURULATIH PELAPIS KEBANGSAAN	
1.	Badminton	20191943/ 15.05.2019	287,000	Elaun Latihan Atlet Bagi Program Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA Bagi Tahun 2017 hingga 2018	3	-	36,500
2.	Badminton	20193345/ 11.09.2019	320,000	Geran Bantuan 80% Sukan Badminton Program Pelapis Negeri Tahun 2019	-	14	320,000
3.	Berbasikal	20223180/ 19.08.2022 & CA003243 30.11.2022	68,138	Track Asia Cup 2022 & 62 nd Anniversary of Thai Cycling Association Thailand (26 - 30.08.2022)	6	2	34,308
4.	Berbasikal	20211851/ 01.07.2021	100,000	Pakej Penginapan dan Makanan Program Latihan Atlet Basikal Program	19	5	34,720

BIL.	SUKAN	BAUCAR BAYARAN					JUMLAH (RM)
		NO. DAN TARIKH BAUCAR/ JURNAL	AMAUN (RM)	PERIHAL	ATLET PELAPIS KEBANGSAAN	JURULATIH PELAPIS KEBANGSAAN	
				Podium/Pelapis Kebangsaan (Mei 2021)			
5.	Berbasikal	20211976/ 21.07.2021	110,880	Pakej Penginapan dan Makanan Program Latihan Atlet Basikal Program Podium/Pelapis Kebangsaan (Jun 2021)	19	5	33,600
6.	Berbasikal	20212356/ 25.08.2021	114,640	Pakej Penginapan dan Makanan Program Latihan Atlet Basikal Program Podium/Pelapis Kebangsaan (Julai 2021)	19	5	34,720
7.	Olahraga	20194647/ 25.11.2019	31,800	Tuntutan Perbelanjaan Kejohanan HCMC International Track & Field Vietnam Open (17 - 19.07.2019)	12	1	16,300
8.	Memanah	20211418/ 19.05.2021	192,240	Geran Bantuan 80% Kejohanan Hyundai Archery World Cup/Final Olympic Qualify 2020	2	-	42,980
JUMLAH			1,224,698		80	32	553,128

Sumber: Baucar Bayaran MSN

JADUAL 14
BAYARAN PERKHIDMATAN SAINS SUKAN DAN PERUBATAN
BAGI BUKAN ATLET PROGRAM PODIUM TAHUN 2021 DAN 2022

BIL.	NO. BAUCAR /TARIKH	PERIHAL	JUMLAH BAUCAR BAYARAN (RM Juta)	BAYARAN YANG DIBUAT KEPADA ATLET SELAIN DARIPADA ATLET PODIUM (RM)	CATATAN
1.	20214005/ 29.12.2021	Caj dan Fi Perkhidmatan kepada Atlet di MSN untuk Tempoh Januari hingga Disember 2021	5.00	39,078.39	- Sampel baucar bayaran yang dipilih adalah bagi bulan Januari 2021 sahaja. - Bayaran melibatkan Atlet Pelapis Kebangsaan bagi sukan Memanah, Olahraga, Bowling, Boxing, Berbasikal, Terjun, Gimnastik, Gimrama, Hoki, Karate, Pelayaran, Menembak, Squash, Akuatik Renang, Weightlifting, Wushu, Hoki, Sepak Takraw dan Atlet Program Akademi Mokhtar Dahari bagi sukan Bola Sepak.

BIL.	NO. BAUCAR /TARIKH	PERIHAL	JUMLAH BAUCAR BAYARAN (RM Juta)	BAYARAN YANG DIBUAT KEPADA ATLET SELAIN DARIPADA ATLET PODIUM (RM)	CATATAN
2.	20221148/ 13.04.2022	Bayar Geran Perkhidmatan Sains Sukan dan Perubatan Tahun 2021 (Bayaran Akhir)	3.00	31,612.15	- Sampel baucar bayaran yang dipilih adalah bagi bulan Julai 2021 sahaja. - Bayaran melibatkan Atlet Pelapis Kebangsaan bagi sukan Olahraga, Karate, Akuatik Terjun dan dan Atlet Program Akademi Mokhtar Dahari bagi sukan Bola Sepak.
JUMLAH			8.00	70,690.54	

Sumber: Baucar Bayaran MSN

JADUAL 15
PEMBELIAN ALATAN DAN ALATAN GANTI
BASIKAL PROGRAM ATLET PELAPIS KEBANGSAAN

BIL.	PERIHAL	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Chain Ring			
	Track Chain Ring Bolts	5	115.00	575.00
	Ultegra Chain (Rantai) 11 Speed	10	184.00	1,840.00
2.	Handle			
	Aerobar Vola Carbon 38 mm	7	2,300.00	16,100.00
	Aerocoach Tilt Block Adapter For Aerobarr 3T Vola With Ext Bold Pack +40mm	10	920.00	9,200.00
	Ski Band	10	575.00	5,750.00
	Handle Bar 38mm	10	345.00	3,450.00
	Handle Stem 120mm	6	345.00	2,070.00
	Handle Stem 130mm	2	345.00	690.00
	Handle Stem 140mm	2	345.00	690.00
3.	Track Crank Set			
	Track Crank Set (Crank Am 167.5.BCB144)	2 set	2,300.00	4,600.00
	R8000m Group Set With Crank 172.5 Cassette 14 x 28	4 set	3,450.00	13,800.00
	R8050 D12 Group Set With Crank 172.5 Cassette 11 x 30	3 set	6,325.00	18,975.00
4.	Helmet			
	Helmet	27	690.00	18,630.00
	Aero Helmet Bambino Pro	5	1,380.00	6,900.00
5.	Jersey			
	Long Sleeves Cycling Track Skinsuit (Latex)	27 helai	920.00	24,840.00
6.	Pedal			
	Pedal SPD SL (Carbon)	8 set	632.50	5,060.00
	Shoes Plate (Merah)	15 set	86.25	1,293.75
7.	Trainer			
	Kick Power Smart Trainer	3	6,900.00	20,700.00
8.	Wheel			
	Wheel Set Track	4 set	1,380.00	5,520.00

BIL.	PERIHAL	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
	<i>Wheels Set Fulcrum Racing 5</i>	4 set	1,380.00	5,520.00
9.	Saddle Seat			
	<i>Saddle Seat</i>	5	402.50	2,012.50
10.	Shoes			
	<i>RC701 Cycling Shoes</i>	27 Pasang	1,035.00	27,945.00
11.	Mechanic Tools			
	<i>Tyre Pro Rubino 700 x 23</i>	45	138.00	6,210.00
	<i>Tyre Zafiro Pro Slick 700 x 23</i>	30	184.00	5,520.00
	<i>Tube 60m</i>	180	28.75	5,175.00
	<i>Handle Tap</i>	20	74.75	1,495.00
	<i>Raiser Kit Vola</i>	5	230.00	1,150.00
	<i>Housing Cable Gear Bundle</i>	1	1,380.00	1,380.00
	<i>Housing Cable Break Bundle</i>	1	1,380.00	1,380.00
	<i>Cable Gear Bundle</i>	1	1,380.00	1,380.00
	<i>Japan High Grips Keirin (Black)</i>	4	115.00	460.00
	<i>BB 75 (75-68 110 M)</i>	3	632.50	1,897.50
	<i>1 Sliding T Handle Hex Wrench</i>	1	575.00	575.00
12.	Road Bike			
	<i>TCR Advance 2 (Complete set part ultegra R800 Mechanical)</i>	4	9,775.00	39,100.00
13.	Track Bike			
	<i>Track Bike T9R Black – Size SS/SS/M</i>	3	11,500.00	34,500.00
JUMLAH (RM)				296,383.75

Sumber: Baucar Bayaran MSN

JADUAL 16
PENYALURAN GERAN KEPADA PSK YANG TIDAK MELATIH ATLET
PROGRAM PODIUM MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PROGRAM PODIUM
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2021

BIL.	PERSATUAN	SUKAN	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Malaysia Judo Federation	Judo	898	-	-	-	-	-	898
2.	Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia	Silat	11,312	-	-	-	-	-	11,312
3.	Persatuan Silat Negeri Pahang	Silat	11,609	-	-	-	-	-	11,609
4.	Persatuan Lawn Tennis Malaysia	Tenis	8,320	-	-	-	-	-	8,320
5.	Persekutuan Besbol Malaysia	Besbol	8,096	-	3,580	-	-	-	11,676
6.	Taekwondo Malaysia (WTF)	Taekwondo	3,656	13,312	-	-	-	-	16,968
7.	Persatuan Bola Keranjang Malaysia	Bola Keranjang	-	29,484	-	-	-	-	29,484

BIL.	PERSATUAN	SUKAN	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	JUMLAH (RM)
8.	Malaysian Hockey Confederation	Hoki	-	10,240	-	227,090	-	-	237,330
9.	Persatuan Muaythai Malaysia	Muaythai	-	5,160	-	-	-	-	5,160
10.	Persatuan Bola Tampar Malaysia	Bola Tampar	-	7,667	-	-	-	-	7,667
11.	Persatuan Ping Pong Malaysia	Ping Pong	-	5,580	4,540	-	-	-	10,120
12.	Kesatuan Ragbi Malaysia	Ragbi	-	9,020	-	-	-	-	9,020
13.	Persekutuan Bola Baling Malaysia	Bola Baling	-	4,861	-	-	-	-	4,861
14.	Persekutuan Tinju Malaysia	Tinju	-	4,520	-	-	-	-	4,520
15.	Persekutuan Petanque Malaysia	Petanque	-	33,740	3,500	-	-	-	37,240
16.	Persatuan Dodgeball Malaysia	Dodgeball	-	2,710	3,064	-	-	-	5,774
17.	Persatuan Kabaddi Malaysia	Kabaddi	-	9,220	-	-	-	-	9,220
18.	Majlis Ekuin Malaysia	Ekuestrian	-	16,922	-	-	-	-	16,922
19.	Persatuan Pelayaran Malaysia	Para Pelayaran	-	-	-	17,011	-	-	17,011
20.	Persekutuan Lawan Pedang	Lawan Pedang	-	-	-	-	30,400	-	30,400
21.	Persekutuan Snuker And Billiard Malaysia	Snuker dan Billiard	-	-	-	-	24,800	40,804	65,604
JUMLAH			43,891	152,436	14,684	244,101	55,200	40,804	551,116

Sumber: ISN dan MSN

- iv. Pemberian geran kepada PSK yang melatih atlet bukan di bawah Program Podium secara tidak langsung menyebabkan perbelanjaan peruntukan yang disediakan untuk atlet dan atlet para Program Podium bagi menjalani program latihan dan kejohanan dalam dan luar negara berkurang.

Maklum balas MSN yang diterima pada 31 Mei dan 24 Julai 2023

Kumpulan Atlet Program Pelapis Kebangsaan (PPK) seringkali terlibat dalam membantu persediaan Atlet Program Podium semasa sesi latihan/pertandingan dan kejohanan. Pihak MSN berpandangan adalah wajar untuk menggunakan peruntukan Program Podium kerana perbelanjaan tersebut adalah dilaksanakan secara sekaligus untuk kedua-dua kategori atlet. Pihak MSN membuat keputusan untuk menggunakan

peruntukan Program Podium kerana peruntukan bajet bagi Program Podium lebih tinggi berbanding Program Pelapis Kebangsaan.

Bagi bayaran perkhidmatan sains sukan dan perubatan ini dibuat secara permohonan bersekali bagi semua atlet di bawah program MSN. Pihak MSN sukar mengasingkan berdasarkan peruntukan masing-masing. Pada masa yang sama juga, atlet PPK ini juga adalah merupakan prospek yang akan dinaik taraf ke dalam Program Podium. Namun, MSN mengakui kesilapan tidak mengasingkan perbelanjaan mengikut kategori program atlet walaupun pada permohonan bayaran ada menyatakan tentang penggunaan atlet Program Podium dan atlet Program Pelapis Kebangsaan. Bagaimanapun, keadaan sebenar penggunaan alatan tersebut adalah secara gunasama oleh kedua-dua program atlet berkenaan.

MSN akan melaksanakan pelarasan tahun 2022 dalam Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 (Prior Year Adjustment) untuk setiap butiran perbelanjaan luar skop Program Podium.

MSN telah membentangkan kertas cadangan penstrukturan semula Program Podium kepada Lembaga Pengurus MSN pada 24 Oktober 2018. Kertas cadangan tersebut menyatakan sukan yang akan diberi tumpuan mengikut keutamaan temasya iaitu Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA serta *non games* iaitu sukan yang tiada dalam senarai sukan dipertandingkan di temasya.

Bantuan kewangan yang diberikan secara geran kepada PSK berkenaan adalah untuk perbelanjaan atlet Program Podium di bawah lantikan PSK. Namun, kaedah bantuan geran diberikan kepada PSK bagi membantu atlet dan jurulatih dalam penyertaan kejohanan, elaun latihan dan bayaran pusat latihan.

Peruntukan Program Podium yang diterima adalah digunakan untuk program latihan atlet bagi sukan di bawah program MSN. Namun, MSN juga bertanggungjawab membantu sukan luar program yang dipertandingkan di temasya serta kejohanan utama. Sukan luar program adalah bermaksud sukan yang dipertandingkan di kejohanan utama (non games) atau sukan yang tidak dipertandingkan di temasya sukan secara konsisten. Sukan luar program ini adalah sukan yang bukan dalam program sepenuh masa.

Maklum balas ISN yang diterima pada 24 Julai 2023

Antara elemen penting dalam sukan prestasi tinggi adalah jurulatih berkualiti dan mempunyai ilmu pengetahuan dan kepakaran bukan sahaja dalam sukan spesifik tetapi juga aspek sains sukan. Dalam hal ini, ISN menyokong serta membantu PSK yang terlibat dengan sekurang-kurangnya salah satu temasya sukan utama dan kejohanan dunia.

Oleh itu, penganjuran kursus kejurulatihan ISN bersama PSK dilihat sebagai pelaburan jangka masa panjang dalam melahirkan jurulatih berkualiti bagi menyediakan atlet untuk bertanding di temasya sukan utama dan kejohanan bertaraf dunia.

Maklum balas Kementerian Ekonomi yang diterima pada 6 Julai dan 17 Julai 2023

Peruntukan yang besar telah diluluskan bagi Program Podium bertujuan untuk memastikan atlet yang berada dalam program ini adalah yang berpotensi mengharumkan nama negara dalam temasya sukan utama. Sehubungan itu, peruntukan ini perlu dibelanjakan mengikut butiran dan skop yang telah diluluskan sahaja. Selain itu, pada masa yang sama, peruntukan turut diluluskan bagi Program Penyediaan Atlet Pelapis sejak tahun 2017 hingga 2021 dan Program Pelapis Kebangsaan bagi tahun 2022 dan 2023. Dalam hubungan ini, adalah sewajarnya perbelanjaan peruntukan dibuat mengikut butiran dan skop program yang telah diluluskan.

Sekiranya terdapat keperluan sebarang perubahan skop, KBS perlu mengemukakan permohonan NOC terlebih dahulu kepada UPE. Sebarang kesilapan dalam membuat pelunasan perbelanjaan program lain yang dicaj di bawah Program Podium hendaklah dibuat pelarasan segera dan dipastikan tidak berulang pada masa akan datang.

Skop Program Podium yang telah diluluskan di bawah Peruntukan Pembangunan bagi pelaksanaan tahun 2016 hingga tahun 2021, tiada dinyatakan skop khusus bagi pemberian geran kepada PSK. Walau bagaimanapun, Kementerian Ekonomi mengambil maklum bahawa pembiayaan peruntukan Program Podium disalurkan oleh MSN kepada PSK memandangkan terdapat PSK yang bertanggungjawab menguruskan komponen di bawah skop Program Podium termasuk pengurusan atlet dan jurulatih, pengurusan pusat latihan, pembiayaan latihan dan pertandingan di bawah Program Podium.

Bagi tujuan tersebut, penentuan atau panduan ke atas penggunaan peruntukan Program Podium yang diterima dan boleh dibelanjakan oleh PSK sewajarnya disediakan oleh KBS/MSN bagi memastikan sebarang perbelanjaan dana berkenaan oleh PSK adalah mengikut panduan, tatacara dan kawalan penggunaan peruntukan pembangunan yang jelas. Ini termasuk memastikan keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan dibelanjakan sepenuhnya untuk skop yang telah diluluskan tanpa ada elemen kos atau bayaran pentadbiran kepada PSK.

Pendapat Audit

Penggunaan peruntukan Program Podium untuk program lain boleh menjejaskan pelaksanaan Program Podium dari aspek pengambilan Atlet Podium secara sepenuh masa.

5.2.2. Pengurusan Jurulatih

Pemilihan jurulatih Program Podium MSN bermula apabila PSK membawa cadangan calon jurulatih ke dalam Mesyuarat JKK untuk diputuskan berdasarkan kriteria pemilihan jurulatih yang ditetapkan. Jurulatih yang layak akan diberikan surat tawaran dan sekiranya bersetuju dengan syarat kontrak yang ditetapkan, jurulatih akan mula melatih atlet.

a. Kenaikan Gaji Jurulatih

- i. Skop kelulusan Program Podium turut merangkumi gaji jurulatih dalam dan luar negara. Mengikut Garis Panduan Kenaikan Gaji Jurulatih MSN, sepanjang tempoh perkhidmatan jurulatih akan dinilai dari segi prestasi dan laporan penilaian. Penilaian ini penting untuk menentukan sama ada jurulatih layak atau tidak untuk dinaikkan gaji.
- ii. Kenaikan gaji jurulatih dinilai berdasarkan prestasi atlet memenangi pingat dalam temasya sukan dan kejohanan dunia. Semakan Audit mendapati lima (13.9%) daripada 36 sampel jurulatih Program Podium telah menerima kenaikan gaji antara 10% hingga 44% dengan kadar kenaikan antara RM450 hingga RM2,456 bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.
- iii. Berdasarkan analisis Audit, perincian kadar dan peratus kenaikan gaji serta prestasi atlet di bawah bimbingan jurulatih yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
SENARAI JURULATIH PROGRAM PODIUM YANG MENERIMA
KENAIKAN GAJI SEPANJANG TEMPOM TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	RUJUKAN SURAT TAWARAN	JENIS SUKAN	KADAR KENAIKAN GAJI		TEMPOH KUAT KUASA	PENCAPAIAN ATLET
			AMAUN (RM)	%		
1.	Bil MSNM: 600-3/2/181 (16)	Sepak Takraw	Kenaikan gaji daripada RM4,500 kepada RM4,950 (RM450)	10	01.01.2021 hingga 31.12.2022	- Satu pingat emas dan satu pingat perak di Temasya Sukan Asia Jakarta 2018 - Satu pingat perak di Temasya Sukan SEA Filipina 2019
2.	Bil MSNM: 600-3/2/251 (18)		Kenaikan gaji daripada RM6,800 kepada RM7,480 (RM680)	10	01.01.2021 hingga 31.12.2022	
3.	MSNM Ref: MSN.600-3/3/97 (12)	Para Renang	Kenaikan gaji daripada RM5,770 kepada RM8,000 (RM2,230)	39	01.01.2020 hingga 31.12.2021	- Satu pingat emas, tiga pingat perak dan lima pingat gangsa di Temasya Sukan Para Asia Jakarta 2018 - Satu pingat gangsa di Kejohanan Para Renang Dunia London 2019

BIL.	RUJUKAN SURAT TAWARAN	JENIS SUKAN	KADAR KENAIKAN GAJI		TEMPOH KUAT KUASA	PENCAPAIAN ATLET
			AMAUN (RM)	%		
4.	Bil MSNM: 600-3/2/65 (9)	Berbasikal (Trek)	Kenaikan gaji daripada RM4,200 kepada RM6,000 (RM1,800)	43	01.01.2020 hingga 31.12.2020	- Satu pingat emas, satu pingat perak dan lima pingat gangsa di Kejohanan Asian Track Cycling Championships Jakarta - Satu pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa di Kejohanan Asian Track Cycling Championships Jincheon, South Korea 2019
5.	MSNM Ref: MSN.600-3/3/83 (13)	Olahraga	Kenaikan gaji daripada RM5,544 kepada RM8,000 (RM2,456)	44	01.01.2020 hingga 31.12.2021	Dua pingat emas di Temasya Sukan SEA Filipina 2019 acara lompat tinggi bagi lelaki dan wanita

Sumber: MSN

- iv. Semakan Audit mendapati peratus kenaikan gaji jurulatih telah ditetapkan melalui perbincangan antara Bahagian Atlet/Bahagian Paralimpik MSN dan PSK sebelum syor peratus kenaikan gaji yang telah dipersetujui dibawa ke Mesyuarat JKK untuk kelulusan dasar. Bagaimanapun, **pihak Audit mendapati kriteria berhubung kadar kenaikan gaji tidak dapat ditentukan** kerana kriteria dalam garis panduan sedia ada tidak diguna pakai. Selain itu, keputusan perbincangan awal juga tidak didokumenkan.
- v. Kelulusan kadar peratus kenaikan yang berbeza tanpa kriteria yang jelas boleh menyumbang kepada rasa tidak puas hati di kalangan jurulatih tempatan.

Maklum balas MSN yang diterima pada 31 Mei dan 24 Julai 2023

Keputusan bagi kenaikan gaji dan elaun jurulatih tempatan ini adalah melalui pencapaian mereka pada tahun yang dinilai. Kadar peratusan kenaikan ini tidak ditetapkan dan beberapa faktor termasuk pencapaian serta komitmen jurulatih ini diambilkira. Bagaimanapun, kenaikan gaji ini adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat JKK sukan masing-masing.

Mulai tahun 2023, garis panduan sedia ada pelantikan, penyambungan dan penamatan jurulatih telah dikemaskini. Walau bagaimanapun, MSN berpandangan ianya perlu disemak semula kerana tiada kadar bagi jurulatih asing dinyatakan di dalam garis panduan tersebut.

b. Laporan Bulanan Jurulatih dan Ulasan Terhadap Prestasi Atlet

- i. Klausula 5.2 Lampiran B, Kontrak Jurulatih menghendaki jurulatih menyediakan laporan bulanan atau laporan berkala yang menyatakan status prestasi atlet berserta pandangan sama ada atlet memenuhi keperluan Program. Laporan hendaklah dikemukakan dalam tempoh tujuh hari bekerja dari setiap penghujung bulan atau seperti yang dinyatakan oleh JKK.
- ii. Semakan Audit mendapati sebanyak 861 (66.7%) daripada 1,290 laporan bulanan jurulatih tidak disediakan oleh jurulatih. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 132 (32%) daripada 413 laporan bulanan jurulatih untuk tempoh tahun 2020 hingga 2022 tidak mempunyai ulasan berkenaan status prestasi atlet dalam Program dan pandangan sama ada atlet memenuhi keperluan Program. Bidang sukan yang dilatih antaranya melibatkan sukan olahraga dan gimnastik artistik. Berdasarkan analisis Audit terhadap penyertaan dan pencapaian atlet dalam bidang sukan tersebut di Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan Sukan Komanwel Birmingham 2022 mendapati atlet tidak menyumbangkan sebarang pingat seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
TEMASYA SUKAN UTAMA YANG DISERTAI BAGI TEMPOH
TAHUN 2019 HINGGA 2022

TEMASYA SUKAN UTAMA	JENIS SUKAN YANG DIPERTANDINGKAN	CATATAN
Sukan Olimpik Tokyo 2020	Olahraga (Lompat Tinggi) dan Gimnastik Artistik	Tiada kutipan pingat
Sukan Komanwel Birmingham 2022	Olahraga (Lompat Tinggi dan Lontar Tukul Besi) dan Gimnastik Artistik	

Sumber: Laporan Lembaga Pengurus MSN

- iii. Kelemahan dalam penyediaan laporan bulanan jurulatih berserta ketiadaan ulasan prestasi atlet dan pandangan sama ada atlet memenuhi keperluan program menyebabkan penilaian secara objektif tidak dapat dibuat. Ini menyebabkan prestasi atlet untuk dikekalkan dalam Program Podium tidak dapat ditentukan.

Maklum balas MSN yang diterima pada 31 Mei 2023

MSN menghadapi kesukaran untuk mengumpulkan laporan bulanan jurulatih kerana tiada satu sistem yang ditetapkan bagi mengemukakan laporan ini. Walaupun tiada laporan bertulis dari jurulatih, pengurus sukan sentiasa membuat pemantauan dan membuat perbincangan dengan jurulatih. Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja juga menjadi salah satu medium pemantauan terhadap prestasi atlet dan jurulatih.

MSN mula mengenalpasti kaedah yang mampu untuk mengumpul dokumen ini dengan lebih sistematik termasuk menggunakan sistem atau aplikasi yang lebih sesuai dijangka mulai Oktober 2023.

Pendapat Audit | **Pengurusan jurulatih adalah kurang memuaskan daripada aspek kadar kenaikan gaji dan penyediaan laporan prestasi atlet oleh jurulatih.**

5.2.3. Kemudahan dan Peralatan Sukan

Kemudahan peralatan yang lengkap, mencukupi dan berkeadaan baik dapat membantu atlet meningkatkan prestasi diri dalam bidang sukan yang diceburi serta menjalani latihan dengan selesa. Atlet Program Podium menggunakan peralatan dan kemudahan sukan yang disediakan oleh MSN secara guna sama dengan atlet program lain.


a. Penyenggaraan Kemudahan dan Peralatan Sukan

- i. Pekeliling Perbendaharaan AM 2.5 menyatakan penyenggaraan Aset Alih bertujuan untuk memastikan aset berfungsi dengan lancar secara berterusan dan selamat digunakan, memelihara dan memanjangkan jangka hayat, meningkatkan keupayaan, mengurangkan kerosakan, mendapatkan ketahanan maksimum sejajar dengan perbelanjaan, menjimatkan perbelanjaan Kerajaan, menjamin keselamatan pengguna, mewujudkan suasana kerja yang kondusif serta produktif dan memelihara imej Kerajaan.
- ii. Pemeriksaan Audit pada 30 Januari 2023 di Stadium Mini MSN, Bukit Jalil bagi latihan sukan olahraga dan lompat tinggi mendapati keadaan trek telah pun haus, menipis dan usang. Manakala tiang lompat tinggi telah rosak serta tilam latihan yang tidak sesuai lagi digunakan untuk latihan atlet. Semakan Audit selanjutnya mendapati trek dan peralatan tersebut telah disediakan semasa Temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 pada 17 Mac 2017. Temu bual dengan jurulatih olahraga memaklumkan bahawa kemudahan tersebut perlu dinaik taraf dan disenggara bagi membantu atlet menjalani aktiviti latihan dengan lancar dan sempurna. Keadaan trek olahraga dan peralatan lompat tinggi seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

GAMBAR 1




GAMBAR 2



Stadium Mini MSN, Bukit Jalil
- Trek Olahraga yang Telah Usang, Terhakis dan Perlu Dinaik Taraf
(30.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



GAMBAR 4



Stadium Mini MSN, Bukit Jalil
- Kelengkapan Peralatan Lompat Tinggi yang Usang serta
Tiang yang Telah Rosak Tidak Sesuai untuk Kegunaan Latihan
(30.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Keadaan trek yang menipis dan peralatan lompat tinggi yang rosak disebabkan ketiadaan program penyenggaraan pencegahan dan pembaikan bagi peralatan latihan. Ini memberi kesan terhadap kelancaran aktiviti latihan atlet.
- iv. Selanjutnya, lawatan pada 25 Jun 2023 di Velodrom Nasional Malaysia, Nilai mendapati sebuah basikal Atlet Para Podium berjenama Ridley bagi kegunaan latihan *cycling road* serta penyertaan dalam kejohanan dan temasya sukan utama masih lagi digunakan oleh atlet para. Basikal tersebut pernah mengalami kerosakan pada rangka basikal akibat kemalangan. Tindakan pembaikan telah diambil oleh jurulatih sukan para berbasikal dengan melakukan tampalan (welding) di tempat kerosakan. Bagaimanapun, temu bual dengan mekanik yang bertanggungjawab menyatakan, sekiranya basikal yang sama masih digunakan dan berlaku kemalangan atau kerosakan lanjut pada basikal tersebut ia boleh membahayakan atlet para.

Maklum balas MSN yang diterima pada 31 Mei, 4 Julai dan 24 Julai 2023

Pada tahun 2022, MSN telah membuat penilaian kerosakan trek olahraga bersama-sama dengan jurulatih dan atlet. Begitu juga dengan peralatan lompat tinggi yang telah rosak dan juga tilam yang telah usang. Bagaimanapun, kerja-kerja pembaikan trek sintetik dan penggantian peralatan lompat tinggi dan tilam tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2022 akibat kekangan kewangan.

Melalui surat kelulusan pada 16 Mei 2023, KBS telah meluluskan sejumlah RM0.60 juta dalam butiran Naik Taraf Fasiliti Sukan Seluruh Negara *Rolling Plan* Ketiga (RP3) RMK12 tahun 2023 bagi pembaikan trek dan penggantian peralatan dan tilam lompat tinggi. Bagaimanapun, peruntukan ini hanya untuk membaikpulih sebilangan kecil trek sintetik sahaja yang dikategorikan sebagai kerosakan kritikal. Bagi pembaikan atau penggantian keseluruhan trek sintetik, pihak MSN akan memohon peruntukan daripada Kementerian pada tahun 2024.

Sebut harga rasmi bagi peralatan lompat tinggi dan lompat bergalah telah diiklankan pada 7 Julai 2023. Manakala sebut harga rasmi bagi pembaikan Trek Sintetik Mini Stadium MSN telah diiklankan pada 21 Julai 2023.

Basikal berjenama *Ridley* yang digunakan oleh Atlet Para Berbasikal bagi tujuan latihan *cycling road*, penyertaan kejohanan dan temasya sukan utama sememangnya mengalami kerosakan *crack frame*. Namun, jurulatih dan mekanik menyatakan basikal tersebut masih boleh digunakan lagi untuk tujuan latihan. Bagaimanapun, permohonan pembelian *road bike* ini telah diluluskan bagi kegunaan atlet di Temasya Para Asia Hangzhou, China 2023 nanti.


Pihak MSN telah bersetuju untuk membuat pembelian basikal baru bagi tujuan latihan dan pertandingan. Proses analisa sebut harga telah selesai dilaksanakan pada 18 Julai 2023. Basikal ini dijangka diperolehi pada suku keempat tahun 2023.

5.2.4. Penyimpanan Aset Sukan

- a. Pekeliling Perbendaharaan AM 2.4, menyatakan aset disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Aset yang menarik perhatian atau bernilai tinggi yang terdedah kepada risiko kehilangan hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksima.
- b. Pemeriksaan Audit pada 25 Januari 2023 mendapati **sebanyak empat buah basikal dan empat buah aksesori (box bike) bagi kegunaan Atlet Para Podium diletakkan di tempat terbuka di Velodrom Nasional Malaysia** iaitu di kawasan atlet program lain menjalani latihan. Berdasarkan temu bual bersama pegawai MSN, kesemua basikal dan aksesori basikal terpaksa

diletakkan di tempat tersebut kerana ruang sedia ada di Stor Bengkel Basikal Atlet Para Podium adalah kecil dan sempit serta tidak mampu menampung bilangan basikal sedia ada seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

GAMBAR 5



GAMBAR 6



Trek Basikal Velodrom Nasional Malaysia

- Basikal dan Aksesori Basikal Diletakkan di Ruang Terbuka kerana Ruang Stor Tidak Mencukupi
(25.01.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 (Peraturan 37) menyatakan pemasangan papan suis atau kelengkapan yang dipasang di dalam mana-mana premis hendaklah bebas daripada halangan dan tidak boleh digunakan bagi apa-apa jenis penstoran.
- d. Lawatan Audit di Stor Bilik Peralatan Basikal Atlet Podium mendapati **penyimpanan basikal dan peralatan basikal telah diletakkan di ruang Sub Switch Board (SSB)/Distribution Board (DB)**. Penyimpanan basikal di ruang SSB/DB ini menghalang kerja-kerja penyenggaraan elektrik dan berbahaya kepada pengendali. Ini boleh menyebabkan risiko renjatan elektrik dan bahaya kebakaran. Keadaan tempat penyimpanan basikal semasa lawatan Audit adalah seperti dalam **Gambar 7** dan **Gambar 8**.

GAMBAR 7




Stor Bilik Peralatan Basikal (atlet) di Velodrom Nasional Malaysia

- Basikal dan Peralatan Basikal Disimpan di Ruang SSB/DB
(25.01.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Stor Bilik Peralatan Basikal (atlet) di Velodrom Nasional Malaysia

- Terdapat Halangan di Ruang SSB/DB
(25.01.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas MSN yang diterima pada 31 Mei, 4 Julai dan 24 Julai 2023

Basikal yang diletakkan di kawasan terbuka dan ruang *Sub Switch Board* (SSB)/*Distribution Board* (DB) di dalam Velodrom Nasional Malaysia telah dialihkan ke ruangan sementara di stor basikal. Pihak MSN mempunyai perancangan untuk mengubah suai dengan menyediakan ruang penyimpanan khas bagi menambahkan ruang penyimpanan peralatan basikal.

Bagi menyelesaikan masalah kekurangan ruang penyimpanan, pihak MSN telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM150,000 di dalam butiran menaik taraf dan membaik pulih velodrom melalui *Rolling Plan* Ketiga (RP3), RMKe-12. Peruntukan ini merangkumi kerja penambahbaikan stor bilik peralatan basikal dan bengkel basikal di Velodrom Nasional Malaysia. Surat kelulusan penyaluran peruntukan menaik taraf fasiliti sukan di MSN telah diluluskan pada 16 Mei 2023.

Sebut harga bagi mengubahsuai stor basikal telah diiklankan pada 21 Julai 2023. Kerja ubah suai ini adalah selama 90 hari dan dijangka siap pada penghujung tahun 2023.

Pendapat Audit		Pengurusan kemudahan dan aset sukan adalah kurang memuaskan daripada aspek penyenggaraan dan penyimpanan aset.
---------------------------	--	---

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, objektif utama Program Podium untuk membawa pulang pingat emas di Temasya Sukan Olimpik masih belum tercapai. Pencapaian output Program Podium di bawah ISN adalah baik kerana sasaran kemenangan pingat di tiga temasya sukan utama telah tercapai. Pencapaian output bagi Program Podium di bawah MSN pula kurang memuaskan berdasarkan dua daripada lima sasaran tidak tercapai sepenuhnya. Pencapaian keberhasilan pula adalah kurang memuaskan kerana dua tidak tercapai dan satu masih belum dicapai daripada empat sasaran ditetapkan. Pengurusan Program Podium masih boleh ditambah baik dengan memastikan perbelanjaan dibuat mengikut skop yang diluluskan, kenaikan gaji jurulatih dibuat berdasarkan garis panduan dan kriteria yang jelas, kemudahan dan peralatan sukan disenggara secara berkala dan memastikan penyimpanan aset di tempat yang selamat.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

7.1. MSN hendaklah memastikan peruntukan Program Podium dibelanjakan mengikut skop yang diluluskan meliputi perbelanjaan atlet, jurulatih, peralatan dan kemudahan berkaitan supaya program dapat diurus dengan cekap dan mencapai objektif;

7.2. KBS dan MSN hendaklah menyemak semula Garis Panduan Kenaikan Gaji Jurulatih dan menyediakan kriteria yang jelas berhubung penentuan kadar kenaikan gaji jurulatih agar lebih teratur. Di samping itu, mekanisme pelaporan dan pemantauan status semasa pencapaian atlet perlu disedia dan dianalisis agar keberkesanan pembangunan atlet dapat dicapai; dan

7.3. KBS dan MSN hendaklah memastikan kemudahan dan peralatan sukan disenggara secara berkala supaya sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat bagi melancarkan aktiviti latihan atlet. Ruang dan stor yang mencukupi bagi menempatkan aset sukan di tempat yang selamat juga perlu diberi perhatian sewajarnya.

